



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

KENYATAAN MEDIA YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PELANTIKAN SEBAGAI PENGERUSI PAC PARLIMEN BAGI PARLIMEN PENGGAL KE 14.

- 1) Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas mandat yang diberikan Ahli-Ahli dewan Rakyat, Ketua Pembangkang serta Kerajaan apabila dipilih sebagai Pengerusi PAC Parlimen dengan sebulat suara.
- 2) Pelantikan ini, adalah satu sejarah dalam Parlimen Malaysia apabila seorang ahli Parlimen daripada parti pembangkang dipilih sebagai Pengerusi PAC dan saya menyambut baik langkah progresif yang diambil Kerajaan memandangkan tugas serta tanggungjawab PAC Parlimen adalah untuk meneliti segala urusan serta tatacara kewangan negara bukan sahaja membabitkan kerajaan ketika ini, tetapi juga kerajaan terdahulu, sekiranya didapati perlu.
- 3) Sudah pasti perdebatan politik berhubung tahap dan skop perbelanjaan Kerajaan tetapi secara konsensus di kalangan Ahli-Ahli Parlimen, tidak kira sama ada daripada parti Kerajaan atau pembangkang, wang awam perlu dibelanjakan secara efektif serta efisien.
- 4) Di sinilah, PAC Parlimen perlu memainkan peranannya dengan berkesan dalam menyediakan mekanisme '*check and balance*' dalam sistem demokrasi kepada Kerajaan dengan lebih telus serta berakauntabiliti.
- 5) Saya juga ingin menegaskan dalam PAC Parlimen mencari kebenaran terhadap segala isu berkaitan wang awam adalah amat penting integriti Parlimen sentiasa terpelihara berdasarkan konsep pengasingan kuasa.
- 6) Berdasarkan itu, semua yang dilakukan PAC Parlimen perlu dilakukan dengan terbuka, telus serta demokratik sekali gus akan meningkatkan kepercayaan terhadap proses demokrasi di negara ini.
- 7) Sehubungan itu, saya memohon ahli-ahli PAC yang akan dipilih Jawatankuasa Pemilihan supaya mengeneipkan ideologi politik masing-masing apabila mereka menghadiri mesyuarat PAC Parlimen supaya semua prosiding PAC dapat dijalankan tanpa rasa takut atau memihak mana-mana pihak dan sudah pasti pengalaman saya sebagai mantan Timbalan Speaker Yang Dipertua Dewan Rakyat adalah nilai tambah bagi saya sebagai Pengerusi PAC Parlimen.
- 8) Sehubungan itu, saya mahu memastikan PAC Parlimen di bawah pimpinan saya akan:
 - i) Memeriksa semua projek yang dibiayai Kerajaan;

- ii) Memastikan segala syor serta cadangan PAC kepada Kerajaan diambil tindakan sewajarnya;
 - iii) Mengadakan perbincangan mendalam dengan semua Ahli Parlimen dan sentiasa terbuka terhadap segala cadangan untuk PAC Parlimen menjalankan siasatan terhadap sebarang projek Kerajaan.
- 9) Pada masa sama, saya ingin mencadangkan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat supaya:
- i) Mengkaji semula Peraturan Mesyuarat 85 Dewan Rakyat yang tidak membenarkan mesyuarat prosiding PAC dilakukan secara terbuka bagi memastikan semua prosiding PAC dijalankan secara telus, berakuntabiliti dan berkredibiliti.
 - ii) Keanggotaan wakil tetap / *Ex-Officio* PAC Parlimen ditambah dengan wakil daripada Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selain wakil daripada Kementerian Kewangan (MoF), Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
 - iii) Laporan PAC Parlimen dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dengan diberikan slot masa khusus untuk perbahasan laporan ini.
 - iv) MoF membentangkan laporan penuh terhadap tindakan yang diambil terhadap setiap syor dan cadangan PAC kepada PAC berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b).

Sekian terima kasih
YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Pengerusi PAC Parlimen
7 Ogos 2018.